

English 🔍    

FOTO

Peruntukan RM5 Bilion Untuk Vaksinasi: Ini Garis Masanya

FOTO | 26 APRIL 2021



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan telah bertemu media untuk memberi sedikit taklimat mengenai kedudukan kewangan negara. Salah satu perkara yang dibangkitkan ialah mengenai peruntukan untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) - ada yang keliru sama ada ianya diperuntukkan di dalam Belanjawan 2021.

Pencerahannya adalah seperti berikut:

6 November 2020

Petikan ucapan Belanjawan 2021: "Dijangkakan, bekalan

vaksin COVID-19 melibatkan kos melebihi RM3 bilion untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia."

Pada masa ini jumlah sebenar belum dimuktamadkan, maka tiada peruntukan yang dikhususkan di dalam Belanjawan 2021. Teks penuh di sini: [Ucapan penuh Belanjawan 2021](#)

18 Januari 2021

Peruntukan RM3 bilion diumumkan secara rasmi untuk Program Imunisasi Covid 19 Kebangsaan (PICK). Vaksin untuk 80% penduduk Malaysia dan sasaran program imunisasi selesai Februari 2022.

Petikan dari ucapan YAB PM: "Sukacita saya mengumumkan bahawa perancangan program vaksinasi kita adalah on-track. Kerajaan telah menandatangani tiga perjanjian dengan syarikat pengeluar vaksin, dan dijangka menerima bekalan vaksin yang pertama pada penghujung bulan Februari nanti. Melalui Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 yang telah ditubuhkan, Kerajaan akan memastikan ketelusan perolehan vaksin dan Program Imunisasi Kebangsaan akan diberi perhatian utama. Sebanyak 3 bilion ringgit telah diperuntukkan khusus bagi perolehan ini." (Astro Awani)

17 Mac 2021

Peruntukan tambahan RM2 bilion diumumkan untuk Program Imunisasi Covid 19 Kebangsaan (PICK) meliputi RM1.2 bilion untuk bekalan vaksin dan RM0.8 bilion untuk program imunisasi. Vaksin untuk 120% penduduk Malaysia dan sasaran program imunisasi selesai Disember 2021.

Petikan dari ucapan YAB PM: "Kerajaan akan menaikkan peruntukan bagi program imunisasi daripada 3 bilion kepada 5 bilion ringgit untuk mempercepatkan sasaran imunisasi berkelompok pada Disember 2021, berbanding sasaran awal iaitu pada suku pertama tahun 2022."

Teks penuh di sini: [Teks penuh ucapan Perdana Menteri](#)

Mengapa perlu penambahan vaksin?

- i. 80% untuk mencapai imunisasi kelompok dan
- ii. 40% untuk stok penimbal dan booster shot. Sebahagian populasi mungkin perlukan tambahan dos vaksin.

Mengapa perlu disegerakan sasaran imunisasi?

- i. Lebih cepat kita mencapai imunisasi kelompok, lebih cepat ekonomi dan kehidupan boleh kembali seperti sedia kala.

Jadi, jumlah keseluruhan bagi PICK ialah RM5 bilion, dan Kerajaan yakin ini akan menolong kita mencapai imuniti kelompok yang seterusnya akan membantu memulihkan ekonomi Malaysia.

 [Bajet 2023](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[BAJET 2023](#)

[LAKSANA REPORT](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[LAPORAN LAKSANA](#)

[LAPORAN KEWANGAN RAKYAT](#)

[PEMERKASAAN PERNIAGAAN](#)

[KELUARGA MALAYSIA](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[JELAJAH BAJET 2023](#)

[KERTAS KONSULTASI AWAM](#)

[HARGA MINYAK](#)

Arkib Foto

[Seterusnya →](#)